

Tingkat ekonomi Melayu perlu dijadikan usul penting

Oleh NAZERI NONG SAMAH

KUALA LUMPUR 13 Ogos - Para pemimpin UMNO diminta supaya menjadikan isu meningkatkan ekonomi Melayu sebagai salah satu usul penting untuk dibahaskan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada September ini.

Ketua Pengarah Institut Kajian Pertumbuhan Ekonomi Melayu Malaysia (IKPEMM), Datuk Dr. Ibrahim Saidun berkata, isu berkenaan patut dibincangkan di peringkat tertinggi perhimpunan parti supaya ia dapat dijadikan satu dasar.

"Seperti biasa setiap usul yang bernas daripada perhimpunan itu akan disaring sebagai panduan menggubal dasar kerajaan secara kekal dan bukan untuk polemik bermusim tanpa tindakan konkrit," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Lagipun **katanya**, isu untuk memperhebatkan agenda perjuangan ekonomi itu amat relevan dijadikan usul bertulis atau tergepar pada Perhimpunan Agung UMNO itu.

Dr. Ibrahim yang juga pakar ekonomi itu berkata demikian sebagai mengulas polemik mernperkasakan agenda ekonomi Melayu sejak dicetuskan menerusi sebuah rencana yang ditulis oleh Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Dr. Norraesah Mohamad di dalam *Mingguan Malaysia* minggu lalu.

Norraesah yang juga pakar ekonomi menyangkal tanggapan bahawa **orang** Melayu keseluruhannya sudah mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan dan ekonomi yang **boleh** dibanggakan.

Kenyataan Norraesah itu mendapat reaksi positif daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Naib Presiden UMNO, Tan **Si** Muhyiddin Yassin.